

Pilihanraya: Syarat2 calon tak dipinda

24 OKT 1978

DATO Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang meminda syarat-syarat menjadi calon pilihanraya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Menjawab soalan Senator Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman, di Dewan Negara yang bermula hari ini, Timbalan Perdana Menteri memberitahu, pada masa ini sudah ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri yang menghalang sebahagian mereka yang disabitkan dengan satu-satu kesalahan di mahkamah untuk menjadi ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri.

Jelasnya, mereka yang telah didapati bersalah dan dihukum penjara tidak kurang daripada satu tahun atau dikenakan denda tidak kurang \$2,000.

Mengenai mereka yang ditahan selain dari yang disebutkan itu "Adalah dibenarkan bertanding bukanlah kerana mereka ada wang seperti yang didakwa oleh ahli yang berhormat tetapi kerana mereka masih belum dijatuhkan hukuman," katanya.

Dibuktikan

Seseorang itu tidak dianggap bersalah sehingga dibuktikan bersalah dan hakikat ini terkandung dalam hak-hak asasi yang dijamin dalam perlembagaan negara kita, tambah beliau.

"Adalah tidak benar bagi ahli yang berhormat mengatakan bahawa orang yang telah dibuang negeri boleh menjadi wakil rakyat di Parlimen atau mana-mana Dewan Perundangan Negeri," ujarnya.

KUALA LUMPUR, Isnin

Katanya, Fasal (1) perkara 9 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan mengenai larangan buangan-negeri di mana tiada seseorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam Persekutuan.

Adalah jelas bahawa seseorang warganegara yang tidak hilang kelayakannya di bawah perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954, adalah layak menjadi ahli Parlimen atau ahli mana-mana Dewan Perundangan Negeri.

Sementara itu, seorang penyokong kerajaan menyebut kisah penyakit "gila babi" yang dikatakannya berpunca dari 'otak kering' akibat

terminum air tawar bercampur air masin.

Encik Abdul Shukur Haji Siraj (BN-Tanjung Karang), semasa membahaskan belanjawan negara, menyatakan kejadian air tawar bercampur air masin bukanlah perkara baru di negara ini.

Penduduk Tanjung Karang yang berpenduduk 770,000 orang terancam oleh air seperti itu kerana air Sungai Bernam dan Sungai Panjang telah bercampur dengan air masin, katanya.

Kata beliau, doktor di situ telah memberitahu, meminum air campuran begitu boleh mengakibatkan p e m i n u m n y a mengalami kekeringan otak dan mungkin berakhir dengan penyakit gila babi.

Encik Abdul Shukur berkata, kerajaan terutama Kementerian Pertanian haruslah mengambil langkah-langkah tertentu mem-

bekalkan air tawar yang bersih untuk minuman rakyat.

Beliau berkata, akibat campuran air masin dan tawar di parit-parit air Tanjung Karang, sudah banyak ikan air tawar dalam sawah kawasan itu mati dan ini sangat merugikan petani yang tidak mampu membeli makanan protein yang lain, dari yang didapati di sawah-sawah mereka.

Ikan mati

Encik Abdul Shukur juga menyeru Kementerian Pertanian mengambil langkah tegas dan segera menghapuskan serangan "Bena perang" terhadap tanaman padi.

Menurutnya, di Tanjung Karang, masalah serangan "Bena perang" ini sudah sampai ke taraf merbahaya sehingga ada sawah yang seratus peratus dimusnahkannya.